

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11 / 10 / 2007

Dr. Mahathir boleh berjalan 50 meter *UM-11/10/2007*

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan pemulihan yang lebih baik hari ini dan berjaya berjalan sendiri sejauh 50 meter setelah dipindahkan ke Wad Bunga Raya Institut Jantung Negara (IJN) di sini Isnin lalu.

Anak sulungnya, Datin Paduka Marina memberitahu, ayahnya telah memberikan kerjasama yang baik kepada pakar fisioterapi dan mampu menjamah sendiri makanan tengah hari.

"Makanan tengah hari ayah hari ini dimasak oleh kakak ipar saya iaitu hidangan Mediterranean yang lazat berupa nasi, daging dan bahan berkhasiat lain.

"Beliau memakannya sendiri, tiada keperluan untuk (bantuan). Ketua Jururawat," katanya dalam laman blognya, *rantingsbyimm.blogspot.com*, petang ini.

Dr. Mahathir telah menjalani pembedahan pintasan jantung keduanya di IJN pada 4 September lalu.

Ia diikuti satu lagi pembedahan 18 hari kemudian untuk membuang tisu luka kesan daripada pembedahan tersebut.

Isnin lalu, beliau dipindahkan keluar dari Unit Rawatan Rapi (ICU) ekoran tahap kesihatannya yang semakin baik.

Masalah sekarang, kata Marina, ialah kerana Dr. Mahathir kelihatan begitu sihat, ramai orang kini mahu melawatnya di IJN.

"Kami masih perlu berhati-hati dengan jangkitan.

"Semasa kami ahli-ahli keluarga bersamanya pun kami masih perlu mengenakan topeng muka dan membersihkan tangan kami.

"Ia merupakan satu langkah berjaga-jaga yang kami penuhi dengan sukacita, khususnya selepas menempuh perjalanan sejauh ini," ujarnya.

